

### Bab 3

#### Metodologi

##### *Kaedah Penyelidikan*

Kaedah penyelidikan yang akan digunakan bagi kajian ini ialah ‘survey’. Aspek-aspek yang akan dibincangkan dalam bab ini adalah berkaitan dengan alat-alat penyelidikan yang digunakan dan cara pengumpulan serta penganalisisan data.

##### *Persampelan*

*Sampel kajian.* Sampel kajian yang akan digunakan dalam kajian ini terdiri daripada 80 orang pelajar Tahun 1, Pusat Pengajian Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia, Kampus Cawangan Perak. Para pelajar ini dipilih kerana kebanyakan pelajar Tahun 1 masuk ke Universiti Sains Malaysia menggunakan keputusan peperiksaan S.T.P.M., matrikulasi atau diploma. Jadi, mereka mempelajari Bahasa Melayu kali terakhir pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dan diandaikan tiada perbezaan kebolehan yang ketara antara para pelajar ini.

*Cara pemilihan sampel.* Pemilihan sampel kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan rawak. Populasi pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia dibahagikan kepada dua kumpulan mengikut kaum iaitu Kumpulan Pelajar Melayu (KPM) dan Kumpulan Pelajar Bukan Melayu (KPBM) yang terdiri daripada pelajar Cina dan India. Setelah itu, 40 orang pelajar dipilih secara rawak daripada setiap kumpulan untuk menjadikan sampel kajian seramai 80 orang pelajar, seperti dalam jadual berikut :

*Jadual 3.1 : Sampel Kajian*

Kumpulan Pelajar	Jumlah Pelajar	Sampel Kajian
Kumpulan Pelajar Melayu	550	40
Kumpulan Pelajar Bukan Melayu	307	40

*Instrumentasi*

*Jenis instrumen kajian.* Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan dua instrumen

untuk mengumpulkan data iaitu :

(a) Praujian

(b) Pascaujian

(a) Praujian

Maklumat tentang kebolehan pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia menghasilkan karangan jenis perbincangan didapati melalui markah yang diberikan oleh pengkaji sendiri dari tiga aspek penting iaitu isi, organisasi dan bahasa.

Penggunaan ketiga-tiga kaedah pemarkahan ini bertujuan untuk mendapatkan markah purata bagi setiap pelajar agar penilaian tentang kebolehan pelajar dalam menghasilkan karangan jenis perbincangan lebih tepat.

Bagi praujian iaitu sebelum pengajaran, kedua-dua kumpulan pelajar iaitu Kumpulan Pelajar Melayu (KPM) dan Kumpulan Pelajar Bukan Melayu (KPBM) diberi ujian menulis karangan jenis perbincangan berdasarkan satu tajuk karangan yang sama iaitu :

“Ada pihak yang berpendapat bahawa krisis ekonomi yang melanda negara kita berpunca

pada kelemahan pengurusan ekonomi negara. Bincangkan."

Karangan jenis perbincangan dipilih kerana karangan jenis ini merupakan bentuk soalan karangan yang popular dikemukakan dalam peperiksaan LKM 400 (Bahasa Malaysia IV) iaitu satu kursus Bahasa Melayu yang wajib diambil oleh pelajar sebagai syarat untuk menerima ijazah. Jadual 3.2 menunjukkan analisis soalan karangan LKM 400 (Bahasa Malaysia IV) bagi enam semester.

Jadual 3.2 : Analisis Soalan Karangan LKM 400

Tahun Akademik & Semester	Soalan 1	Soalan 2	Soalan 3	Soalan 4	Soalan 5
Semester I 1996/1997	Perbincangan	Perbincangan	Pendapat	Pendapat	Kertas Kerja
Semester II 1996/1997	Pendapat	Pendapat	Perbincangan	Perbincangan	Pemaparan
Semester I 1997/1998	Pendapat	Pendapat	Perbincangan	Perbincangan	Hujahan
Semester II 1997/1998	Pendapat	Pendapat	Perbincangan	Perbincangan	Laporan
Semester I 1998/1999	Pendapat	Pendapat	Perbincangan	Perbincangan	Hujahan
Semester II 1998/1999	Perbincangan	Perbincangan	Perbincangan	Pemaparan	Kertas Kerja

Di samping itu, karangan jenis ini popular kerana dapat melatih pelajar berfikir secara rasional dan terbuka iaitu membincangkan sesuatu tajuk yang diberi dari segi pro dan kontranya. Karangan jenis ini juga memerlukan pelajar menggunakan kematangan fikiran dan pengetahuan am untuk membincangkan tajuk yang diberi itu dari pelbagai sudut dan kemudian membuat kesimpulan mengenainya.

Praujian diberikan sebelum pengajaran kerana para pelajar mempelajari Bahasa Melayu kali terakhir semasa mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Oleh itu, diandaikan tiada perbezaan antara mereka. Markah yang diperoleh daripada praujian ini adalah untuk menunjukkan kebolehan pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan menghasilkan penulisan karangan jenis perbincangan sebelum diajar dan didedahkan kepada kursus LKM 400 (Bahasa Malaysia IV).

(b) Pascaujian

Bagi pascaujian, satu soalan karangan jenis perbincangan yang agak relevan dengan soalan yang dikemukakan semasa pascaujian diberikan iaitu :

“Kegawatan ekonomi melanda Malaysia adalah kerana pihak tertentu yang tidak dapat mengurus sistem ekonomi negara dengan baik. Bincangkan.”

Pascaujian ini akan diberikan setelah penyelidik sendiri mengajar kursus LKM 400 (Bahasa Malaysia IV) selama 12 minggu untuk melihat keberkesanan kursus ini. Seperti praujian, pascaujian juga mengambil kira tiga aspek penting iaitu isi, organisasi dan bahasa.

Soalan yang dikemukakan bagi pascujian mestilah seolah-olah sama atau hampir sama dengan soalan yang dikemukakan dalam praujian bagi benar-benar menguji kebolehan pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan menghasilkan karangan jenis perbincangan dan terutama sekali untuk melihat keberkesanan kursus LKM 400 (Bahasa Malaysia IV).

### *Pemarkahan*

Pemarkahan bagi karangan ini adalah berdasarkan skim pemarkahan yang ditetapkan oleh Pusat Bahasa & Terjemahan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang iaitu :

Ketepatan & Kerelevanansi Isi	-	15
Organisasi	-	25
Bahasa	-	60
	----	
	100	-----

Aspek ketepatan dan kerelevanansi isi merangkumi karangan yang menepati tajuk dan isi utama tepat serta jelas. Terdapat lima atau enam isi sokongan dan bersifat fakta serta statistik yang kukuh. Isinya baik dan tersusun secara sistematik dan jelas. Selain itu, hujah mestilah dirumuskan dengan lancar dan berkesan berserta pendapat yang matang.

Aspek organisasi pula merangkumi pemerengganan, kohesi dan kesinambungan serta kesepadan antara satu ayat dengan ayat lain serta antara satu perenggan dengan perenggan yang lain. Sesebuah perenggan yang lengkap dan berkesan terbina oleh unsur-unsur asas berikut :

- Ayat topik, iaitu isi atau gagasan utama yang menjadi tema seluruh perenggan serta memandu pengembangan satu unit buah fikiran dalam satu perenggan bagi menyokong tesis karangan.
- Ayat penyangga utama, iaitu ayat yang mengembangkan gagasan dalam ayat topik dan merujuk ayat topik secara langsung.
- Ayat penyangga kecil, iaitu ayat yang menyediakan keterangan lanjut tentang ayat topik dan merujuk ayat penyangga utama secara langsung.

- Ayat kesimpulan, iaitu ayat akhir yang menutup perenggan sebelum beralih kepada perenggan yang seterusnya.

Bagi bahagian bahasa, yang diuji adalah dari segi :

(a)	struktur ayat	-	12
(b)	ejaan	-	12
(c)	penggunaan kata	-	12
(d)	imbuhan	-	12
(e)	kekesanan	-	12

Bagi setiap satu bahagian diberi 12 markah maksimum dan setiap kesalahan sama ada berulang dan tidak berulang ditolak satu markah. Akan tetapi, bagi setiap bahagian maksimum 12 markah sahaja boleh ditolak walaupun jumlah kesalahan melebihi 12. Markah "kekesanan" ialah markah yang diberikan atas budi bicara pemeriksa sendiri bagi keseluruhan pencapaian pelajar dari aspek bahasa. Ini adalah kerana kursus LKM 400 (Bahasa Malaysia IV) sangat mementingkan aspek bahasa.

#### *Proses Pengajaran*

Penyelidik mengambil masa 12 minggu untuk mengajar para pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia kursus LKM 400 (Bahasa Malaysia IV). Setiap kali perjumpaan ialah selama 2 jam. Berikut ialah proses pengajaran yang dijalankan dari minggu 1 hingga minggu 14 :

- |          |                                    |
|----------|------------------------------------|
| Minggu 1 | - Praujian                         |
| Minggu 2 | - Penggolongan kata secara umumnya |
| Minggu 3 | - Kata Nama dan Frasa Nama         |

- Beberapa istilah penting (frasa nama, kata pemerl, inti, penerang)
  - Rumus tentang kata nama dan frasa nama
  - Rumus tentang Frasa Nama + Frasa Nama
- Minggu 4
- Kata Kerja Tak Transitif dan Frasa Kerja Tak Transitif
    - Kata Kerja Tak Transitif Tanpa Pelengkap
    - Kata Kerja Tak Transitif Berpelengkap
    - Fungsi Kata Kerja Tak Transitif
    - Kata Kerja Tak Transitif dijadikan Kata Nama Terbitan
- Minggu 5
- Kata Kerja Transitif dan Frasa Kerja Tak Transitif
    - Definisi Kata Kerja Transitif
    - Kata Kerja Transitif yang tidak diikuti objek
    - Kata Kerja Transitif berawalan
    - Kata Kerja Transitif sebagai subjek ayat
    - Kata Kerja Transitif yang didahului kata pemerl *ialah* atau *adalah*
    - Kata Kerja Transitif sebagai penerang frasa nama
    - Jenis Kata Kerja Transitif
      - Kata Kerja Transitif Terbitan
- Minggu 6
- Kata Adjektif dan Frasa Adjektif
    - Definisi Kata Adjektif dan Frasa Adjektif
    - Fungsi Frasa Adjektif
- Minggu 7
- Kata Sendi Nama dan Frasa Sendi Nama

- Definisi Kata Sendi Nama dan Frasa Sendi Nama
  - Fungsi Frasa Sendi Nama
- Minggu 8 & 9 - Rumus tentang ayat
  - Ragam ayat pasif
  - Ayat pasif songsang
  - Ayat majmuk
- Minggu 10 & 11 - Kaedah penulisan yang berkesan dan bentuk-bentuk karangan
- Minggu 12 - Latihan mengarang
- Minggu 13 - Kesalahan umum penggunaan kata
  - Kata Nama dan Frasa Nama
  - Kata pemeri
  - Kata Sendi Nama dan Frasa Nama
  - Pelbagai penggunaan kata yang betul
- Minggu 14 - Pascaujian
- (Bagi latihan-latihan yang diberikan selepas setiap pengajaran, sila lihat Lampiran C hingga J)